



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

KENYATAAN MEDIA
YAB DATO' SERI DR. WAN AZIZAH DR. WAN ISMAIL
TIMBALAN PERDANA MENTERI
MERANGKAP MENTERI PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT.

MESYUARAT MAJLIS PENASIHAT DAN PERUNDINGAN
WARGA EMAS NEGARA BILANGAN 1 TAHUN 2018

1. Pada hari ini saya telah mempengerusikan Mesyuarat Majlis Penasihat dan Perundingan Warga Emas Negara (MPPWEN) Bilangan 1 Tahun 2018.
2. Antara perkembangan utama berkaitan isu sosial serta usaha memperkasa program warga emas adalah:

Mengarusperdanakan Isu Warga Emas dalam Pembangunan Negara

3. Isu sosial dan warga emas terus diberi perhatian di bawah Kajian Separuh Penggal untuk Rancangan Malaysia Kesebelas.
4. Menjelang 2020, adalah dianggarkan seramai 1 juta rakyat Malaysia yang berumur antara 61 dan 65 tahun yang masih produktif dan aktif.

5. Bagi menggalakkan peluang pekerjaan bagi golongan berumur 60 ke atas, kerajaan telah mencadangkan supaya caruman mandatori KWSP bagi majikan untuk warga emas dikurangkan kepada 4 peratus daripada 6 peratus mulai 1 Januari 2019.

Potongan cukai tambahan juga dicadangkan untuk diberi kepada majikan ke atas perbelanjaan penggajian dengan had jumlah saraan sebanyak RM4,000 sebulan.

Ini adalah langkah-langkah bagi menggalakkan penglibatan golongan warga emas untuk terus menyumbang kepada pembangunan negara.

Rang Undang-undang Warga Emas

6. Menyedari Malaysia akan menjadi negara tua menjelang tahun 2030, di mana 15% daripada penduduk bakal terdiri daripada golongan ini, Kementerian akan menggubal Akta khusus untuk warga emas dalam waktu yang terdekat
7. Akta ini bertujuan untuk melindungi kebajikan dan hak asasi warga emas serta mewujudkan sistem sokongan yang diperlukan.

Cadangan pewujudan *age-friendly city*

8. Persiapan ke arah pencapaian status negara tua menjelang tahun 2030 memerlukan komitmen dan perancangan daripada pelbagai pihak di setiap peringkat.
9. Antara saranan Kajian Kemudahan dan Perkhidmatan bagi Menepati Keperluan Warga Emas Menjelang 2030 yang dilaksanakan pada tahun 2017 adalah untuk memperkasakan peranan kerajaan tempatan dalam usaha meningkatkan kesejahteraan warga emas.
10. Sehubungan itu, satu projek rintis untuk mewujudkan *age-friendly city* dengan kerjasama United Nations Development Programme (UNDP) sedang dirancang oleh KPWKM.

Tujuan utama projek ini adalah untuk menggalakkan penglibatan penduduk (*public participation*) dalam perancangan tempatan dan seterusnya mewujudkan persekitaran mesra warga emas.

Penubuhan 29 Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) Baharu

11. Kerajaan akan terus memperkasakan warga emas dalam komuniti melalui penubuhan 29 buah PAWE baharu.

Sebanyak RM3 juta telah diperuntukkan pada tahun 2018 di bawah RMK ke-11 di mana setiap PAWE berkenaan menerima bantuan

berjumlah RM80,000 bagi membaiki bangunan dan pembelian peralatan serta RM33,333 bagi tujuan pengoperasian.

Pada tahun 2019, JKM akan memastikan mana-mana kawasan parlimen yang masih belum mempunyai PAWE akan diberi keutamaan untuk ditubuhkan.

Hala tuju MPPWEN 2019

12. Majlis ini akan memberi fokus kepada isu-isu yang dibangkitkan di peringkat negeri dan daerah agar ia dapat di bincang dan diselesaikan secara inklusif.
13. Agenda pemerkasaan MPPWEN akan diteruskan bagi memenuhi hasrat untuk memberi pengiktirafan yang sewajarnya kepada semua warga emas.
14. Kerjasama yang lebih erat antara semua pihak yang terlibat adalah penting dan diperlukan bagi menggalas tanggungjawab dan komitmen untuk meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan warga emas di Malaysia.

